



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (68) 11/07

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN
DI SEKITAR NEGERI SELANGOR**

SELANGOR, 24 Julai 2023 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar Negeri Selangor yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBrs Encik Sophian Isswandy bin Ismail dan Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Komander Azman bin Yusoff TLDM.

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah meluangkan masa menyantuni veteran-veteran ATM di sekitar Tanjung Karang, Sabak Bernam, Sekinchan dan Kuala Selangor. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM serta waris tanggungan yang mengalami sakit kritikal serta memerlukan rawatan. Lawatan kebajikan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi veteran ATM yang sedang uzur dan mempunyai masalah ingatan iaitu Encik Dul Karim bin Shubri berusia 82 tahun di Kampung Sungai Kajang Baru, Tanjung Karang. Veteran merupakan bekas anggota tentera berpangkat Prebet yang pernah berkhidmat di dalam kor Rejimen Askar Wataniah selama 19 tahun dan tidak berpencen. Beliau mempunyai tujuh (7) orang anak dan kini sedang dijaga oleh anak bongsunya. Veteran telah disyorkan untuk diteruskan menjadi penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan.

Seterusnya, YB Adly menyantuni veteran ATM yang sedang terlantar iaitu Encik Mohd Salikin bin Hj Osman berusia 70 tahun di Pasir Panjang, Sekinchan. Veteran yang merupakan bekas anggota berpangkat Lans Koperal pernah berkhidmat di dalam kor Tentera Darat Malaysia selama 10 tahun serta tidak berpencen. Beliau yang menghidap strok di sebelah kiri mempunyai 5 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Salmah binti Kemat berusia 65 tahun. Veteran yang tidak bekerja hanya mempunyai pendapatan sebanyak RM 600.00 sebulan hasil daripada pemberian anaknya dan telah disyorkan menjadi penerima BSH berjumlah RM 300.00 sebulan.

Lawatan kebajikan kemudiannya diteruskan dengan menyantuni veteran ATM yang sedang terlantar iaitu Encik Jamaluddin bin Abdullah berusia 80 tahun di Bagan Nira, Sabak Bernam. Veteran yang merupakan bekas anggota berpangkat Prebet pernah berkhidmat di dalam kor Rejimen Askar Jurutera Diraja selama lima belas (15) tahun serta tidak berpencen. Veteran yang telah buta di sebelah mata kirinya menghidap sakit darah tinggi serta penyakit saraf di sebelah mata kanannya. Beliau mempunyai

seorang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Salasiah binti Sapie berusia 72 tahun. Veteran hanya mempunyai pendapatan sebanyak RM 500.00 sebulan hasil daripada pemberian anaknya dan BSH yang disyorkan kepadanya sedang di dalam proses.

Seterusnya, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM melawat veteran ATM Encik Zulkipli bin Mansor berusia 68 tahun di Kampung Batu 2 Sapintas, Sabak Bernam. Veteran yang menghidap penyakit strok dan jangkitan kuman merupakan bekas anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berpangkat Laskar Udara Satu (1) tidak berpencen. Beliau yang tidak mempunyai punca pendapatan memiliki sepuluh (10) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Siti Rohani bin Syed Ahmad berusia 61 tahun. Veteran telah dicadangkan untuk diberikan bantuan susu, pampers serta disyorkan BSH berjumlah RM 300.00 sebulan.

Lawatan kebajikan diteruskan ke rumah balu veteran ATM di Taman Pertama, Sabak Bernam iaitu Puan Jamaiah binti Sarbani berusia 58 tahun merupakan balu kepada Allahyarham Encik Ay Awalludin bin Nordin yang telah meninggal dunia pada 24 Jun 2023 asbab serangan jantung pada usianya 64 tahun. Allahyarham merupakan bekas anggota tentera berpangkat Sarjan Udara dan tidak berpencen serta merupakan penerima BSH berjumlah RM 300.00 sebulan. Balu mempunyai lima (5) orang anak dan telah disyorkan untuk diteruskan menjadi penerima BSH.

Selain itu, YB Adly turut mengambil peluang mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang keusahawanan iaitu Encik Abdul Aziz bin Mohd Ali berusia 49 tahun yang mengusahakan kedai makanan sejuk beku di Kuala Selangor bersama isterinya, Puan Roziena binti Othman. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang diziarahi serta penyampaian *plaque* penghargaan kepada usahawan yang dilawati.

Pada 11 Julai 2023 (Selasa) yang lalu, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah melancarkan Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUVET), salah satu usaha Kementerian Pertahanan untuk memartabatkan kerjaya kedua veteran ATM dalam bidang keusahawanan. PRUVET ATM yang dilaksanakan melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), berperanan sebagai pemudah cara dan penghubung bagi menyalurkan insentif keusahawanan.

PPV pula merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan sesi dialog bersama dua puluh (20) Persatuan Veteran ATM Negeri Selangor di Kedai Makanan Sejuk Beku Roz Kuala Selangor. Pada program tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah turut menyerahkan sumbangan 500 kotak Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM Negeri Selangor untuk diagihkan kepada veteran ATM.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Hanif bin Yussof TUDM di talian 017–254 0477 atau Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi di talian 017-965 3755.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
27 Julai 2023

